

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH : 20 MEI 2016

Kempen Masjid dan Surau Lestari Hijrah Hijau

Pupuk amalan cintakan alam sekitar

*24/5/2016
S. J. J.*

OLEH ERMIZI MUHAMAD

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menganjurkan Kempen Masjid dan Surau Lestari Hijrah Hijau bagi menggalakkan masyarakat mengamalkan kehidupan bersih dengan mempraktikkan amalan hijau dalam kehidupan seharian.

Program dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Komuniti diadakan di Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong, di sini, bermula jam 8.30 pagi hingga 3.00 petang, pada 15 Mei lalu.

Sepanjang program berlangsung, tumpuan kepada beberapa isu hijau dan kebersihan persekitaran pusat ibadat akan diberikan kepada masyarakat secara amnya.

Ia termasuk pendedahan berkenaan amalan kitar semula dan kepentingan penjimatan elektrik dalam menggalakkan kehidupan bebas karbon.

Malah, pendidikan berkenaan manfaat gaya pemakanan sihat, pengurusan sisa buangan, penjimatan penggunaan air dan inisiatif memelihara alam sekitar juga turut didedahkan kepada umum.

Orang awam dijemput hadir memeriahkan program itu sebagai sokongan kepada MBSA dalam usaha merealisasikan Shah Alam sebagai bandar hijau, manakala sebarang pertanyaan boleh hubungi talian bebas tol 1-800-44-4477.

